

Graduan imbaskan memori di UiTM

KOSMO 31/7/06 (MS 4)

KENANGAN LAMA.

Seramai 180 graduan Diploma Pengangkutan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah menamatkan pengajian antara 1976 hingga 2004 bertemu semula dalam satu majlis kelmarin.

Mereka bertemu dalam Majlis Makan Malam Alumni Pengangkutan UiTM di Dewan Utama Hotel Sunway, Subang Jaya semalam.

Majlis anjuran Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM dan pelajar Institut Logistik dan Pengangkutan

Chartered itu dirasmikan Pro Canselor UiTM, Tan Sri Sulaiman Daud.

Majlis yang julung-julung kali diadakan itu turut dihadiri Dekan Fakulti Perniagaan UiTM, Prof. Madya Dr. Zaini Abdullah dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsa UiTM, Prof. Ir. Dr. Sahol Abu Bakar.

Selain para tetamu berbual sambil mengimbas kenangan lalu, mereka juga dipersembahkan dengan pertunjukan kebudayaan oleh para pelajar fakulti berkenaan.



SEBAHAGIAN graduan Falkuti Pengurusan Perniagaan UiTM pada Makan Malam Alumni Pengangkutan UiTM kelmarin.